

**Pastikan pengundi luar pulang**  
**Utusan Online**  
**Januari 22, 2012**

BACHOK 21 Jan. - Semua UMNO bahagian diminta memastikan lebih 100,000 pengundi termasuk pemilih baru di luar Kelantan, pulang mengundi pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) akan datang.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Dr. Awang Adek Hussin berkata, pemimpin UMNO bahagian di semua peringkat terutama Biro Pengundi Luar, perlu aktif menghubungi pengundi terbabit bagi memastikan mereka pulang dan memberikan sokongan kepada UMNO serta Barisan Nasional (BN).

Beliau berkata, sebanyak 10 hingga 15 peratus pengundi yang berada di luar setiap kawasan Parlimen boleh dianggap penentu kepada kemenangan BN untuk merampas kembali pemerintahan kerajaan negeri.

"Kebanyakan mereka berhijrah ke Selangor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru," katanya di sini hari ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0122&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_06.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0122&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_06.htm)